



كُوْفَرَانِي قَرْمُوْدَ لِنْفَلَايُوْنِكْرِي جُوْهْرُ بَرْهَدْ

KPMNJ

KOPERASI PERMODALAN MELAYU NEGERI JOHOR BERHAD

Ruj. Kami : KPMNJ/PTD/UA/01-01

19hb. Mac 2026

**Anggota-anggota
Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor Berhad**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YB Dato'/Datin/Haji/Hajah/Tuan/Puan,

**NOTIS MESYUARAT AGUNG KAWASAN KOPERASI PERMODALAN MELAYU NEGERI
JOHOR BERHAD (KPMNJ) BAGI TAHUN 2026**

Dengan hormatnya kami merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor Berhad (KPMNJ) akan mengadakan Mesyuarat Agung Kawasan Bagi Tahun 2026 seperti jadual berikut :-

BIL.	KAWASAN	TARIKH & MASA	TEMPAT
1.	i. Johor Utara ii. Johor Timur iii. Johor Barat (Batu Pahat & Luar Johor)	19hb. April 2026 (Ahad) 1 Zulkaedah 1447 8.30 pagi	Dewan LHDN Cawangan Kluang Jalan Batu Pahat, 86000 Kluang, Johor Darul Ta'zim
2.	i. Bandaraya ii. Johor Tengah iii. Johor Barat (Pontian)	26hb. April 2026 (Ahad) 8 Zulkaedah 1447 8.30 pagi	New York Hotel No. 22, Jalan Dato Abdullah Tahir, 80300 Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim

3. Sehubungan dengan itu, pihak KPMNJ amat mengalu-alukan kehadiran anggota-anggota Kawasan dalam mesyuarat tersebut. Wakil atau proksi kepada anggota serta apa-apa tuntutan bagi pihak anggota yang tidak hadir adalah tidak dibenarkan. **Elaun kehadiran akan diberikan kepada anggota-anggota yang hadir sahaja dan hanya boleh dituntut selepas selesai mesyuarat. Pendaftaran kehadiran dibuka sehingga jam 10.30 pagi dan kehadiran selepas waktu tersebut tidak akan didaftarkan.**

4. Turut dimaklumkan bahawa setiap anggota hendaklah hadir mengikut kawasan masing-masing yang telah didaftarkan berdasarkan pecahan jadual di atas. Pendaftaran di kawasan lain adalah **TIDAK DIBENARKAN** dan tiada pembayaran elaun diberikan.

5. **Usul-usul secara bertulis** yang ingin dikemukakan hendaklah sampai kepada Setiausaha KPMNJ melalui email kpmnj@melayujohor.com selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat diadakan.
6. **Notis Panggilan Mesyuarat dan Semakan ke Mesyuarat Agung Kawasan 2026** boleh dibuat melalui **Aplikasi Mudah Alih KPMNJ** serta **Portal Semakan Ke Mesyuarat Agung Kawasan 2026** di alamat berikut (<https://tinyurl.com/semakan-makkpmnj2026>) bermula 19hb. Mac 2026.
7. **Buku Mesyuarat Agung Kawasan** yang mengandungi Draf Akaun 2025 dan lain-lain Kertas Mesyuarat turut boleh diakses melalui **Aplikasi Mudah Alih KPMNJ** dan **Portal Semakan Ke Mesyuarat Agung Kawasan 2026** bermula 6hb. April 2026.
8. Tuan/puan juga boleh mengemas kini Daftar Keanggotaan dengan menghubungi Bahagian Keanggotaan melalui aplikasi WhatsApp ditalian <https://wa.me/60197752050> .
9. Kerjasama anggota-anggota dalam memastikan perjalanan mesyuarat berjalan dengan lancar adalah diharapkan dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

TEGUH . DINAMIK . PRIHATIN

Dengan Arahan Lembaga
KOPERASI PERMODALAN MELAYU NEGERI JOHOR BERHAD



HAJAH RABEAH BINTI SHAIKH MOHAMED
Setiausaha